

25 MAY 2000

Ong-Ling/I

BIARKAN DR LING BEREHAT, KATA ONG KA TING

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Biarkan presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berehat dan jangan membuat andaian sama ada beliau tetap dengan pendiriannya untuk bersara atau tidak, kata naib presiden parti itu Datuk Ong Ka Ting.

Setiap orang perlu menjaga perasaan Dr Ling dan menghormati keputusan beliau memandangkan keadaan yang dihadapinya sekarang, katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran MetalTech Malaysia 2000 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Pada Isnin lepas, Dr Ling mengumumkan persaraannya sebagai Menteri Pengangkutan selepas berkhidmat selama 14 tahun, ini menimbulkan gesaan daripada MCA dan pemimpin BN agar beliau menimbangkan semula keputusannya itu.

Semalam selepas bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Dr Ling bersetuju dengan cadangan Dr Mahathir agar beliau mengambil cuti dua minggu untuk memikirkan semula keputusannya untuk bersara daripada jawatan Kabinet.

Sementara itu, Ong yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mahu industri pembuatan negara mencontohi industri pembinaan yang berjaya mencapai tahap 80 peratus penggunaan bahan-bahan tempatan dalam projek mereka.

"Pameran sebegini, penting bagi industri pembuatan negara untuk mempelajari teknologi-teknologi yang baru di dalam usaha mereka untuk menghasilkan ciptaan tempatan," katanya.

Pameran yang bermula semalam sehingga Ahad ini akan menunjukkan pelbagai jenis mesin bagi industri pembuatan memenuhi segala keperluan dan syarat yang dikehendaki oleh pasaran antarabangsa.

Pengarah Urusan Trade-Link Exhibition Services Sdn Bhd, Jonathan Tan berkata, pameran berjaya menarik penyertaan syarikat-syarikat dari 27 buah negara seperti China, Switzerland, Taiwan dan Jepun.

Katanya, pameran tahun ini adalah dua kali ganda lebih besar berbanding tahun lepas, dengan 600 buah ruang pameran seluas 16,000 meter persegi diambil oleh pelbagai syarikat.

-- BERNAMA

MHI AHH RI